

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
SYARIKAT NOOR ARFA BATEK SDN. BHD.
TERENGGANU DARUL IMAN


DISEDIAKAN OLEH
JULLIAN LEJAU KEBING
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PERNIAGAAN DISTRIBUTIF)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

2002


1100067867

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



ark

LI 4 FPE 3 2002



1100067867

Laporan akhir latihan industri di Syarikat Noor Arfa Batek Sdn. Bhd. Terengganu Darul Iman / Jullian Lejau Kebing.

**PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU.**

Lihat sebelah

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
SYARIKAT NOOR ARFA BATEK SDN.BHD.
TERENGGANU DARUL IMAN**

Disediakan Oleh:

JULLIAN LEJAU KEBING
Sarjana Muda Pengurusan
(Perniagaan Distributif)

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTAN ABDUL SAMBIRI

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)
2002

1100067867

PRAKATA

Penghasilan kertas kerja laporan akhir latihan industri ini dihasilkan dengan penuh ketelitian, ketekunan, kesabaran dan keazaman yang jitu bagi memastikan hasil kerja yang berkualiti.

Laporan akhir latihan industri ini memangnya mencabar minda dan keupayaan dari aspek pengetahuan dan pengurusan masa. Namun begitu, kerjasama yang erat, usaha kolektif, sifat toleransi dan kesungguhan yang mendalam di antara pihak-pihak yang telah terlibat dalam menjayakan laporan akhir latihan industri secara langsung mahupun bukan secara langsung telah mendorong ke arah penghasilan idea-idea yang kreatif dan bernes untuk dimuatkan dalam kertas kerja laporan akhir latihan industri ini.

Walaubagaimanapun, tidak dinafikan sekiranya masih terdapat kelemahan dan kesilapan yang tidak disengajakan dari aspek isi kandungan laporan yang kurang menyenangkan sesetengah pihak-pihak tertentu atau dari aspek penaipan yang cuai semasa dalam proses penyiapan kertas kerja laporan akhir latihan ini.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan kertas kerja laporan akhir latihan industri ini. Semoga matlamat pembelajaran yang diimpikan dapat tercapai.

Sekian, terima kasih.

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah Bapa di Syurga, di atas berkat dan Kasih karuniaNya yang melebihi segalanya sehingga penghasilan Laporan Akhir Latihan Industri ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Dengan kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih saya terutamanya kepada Tuan Haji Semanat Abu Bakar selaku penyelaras program, penyelia industri Encik Shaharuddin Ismail, Cik Azzlinzuraini Ahmad selaku penyelia KUSTEM, di atas segala ilmu, tunjuk ajar, dorongan, kerjasama, bimbingan dan semangat yang tidak berbelah bagi yang telah dicurahkan sepanjang proses penghasilan kertas kerja laporan akhir latihan industri.

Tidak lupa juga setinggi penghargaan kepada pihak universiti terutamanya bagi pihak Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran, Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) atas segala kemudahan dan persiapan yang disediakan kepada saya sebelum dan sepanjang tempoh latihan industri dijalankan.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Syarikat Noor Arfa Batek Sdn.Bhd. terutamanya kepada Pengerusi Eksekutif Syarikat Noor Arfa Batek Sdn.Bhd iaitu Encik Wan Mohd Ariffin Bin Wan Long dan isterinya Puan Noor Hijerah Binti Hanafiah selaku Pengarah Eksekutif Syarikat Noor Arfa Batek Sdn.Bhd. kerana

memberi peluang kepada saya untuk melakukan latihan industri saya di syarikat tersebut. Segala ilmu dan pengalaman yang diajar dan diperolehi sepanjang melakukan latihan industri di Syarikat Noor Arfa Batek Sdn.Bhd. amat-amat dihargai.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengabadikan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tersayang terutamanya kedua ibubapa saya (Encik Kebing Panyo & Puan Nasing Panja) yang berada di Serian Sarawak, kakak (Pn. Bulan Kebing) dan abang-abang (En. Richard Kebing & En. Gary Deng Kebing) serta pakcik saya (En. Rige Panja) yang banyak memberi sokongan, dorongan dan perhatian yang tidak berbelah bahagi sepanjang pengajian saya di KUSTEM. Jasa baik dan kasih sayang kalian tidak akan saya lupakan untuk selamanya. Tidak lupa juga kepada insan tercinta (Miss LoFaHo_Belle) yang senantiasa memberi semangat dan perhatian dalam hal-hal peribadi saya sepanjang penyiapan kertas kerja ini. Terima kasih.

Akhir sekali, penghargaan juga kepada rakan-rakan sekuliah dan rakan-rakan seperjuangan sepanjang latihan industri dijalankan yang tidak jemu-jemu membuat penilaian serta mengkritik segala kekurangan.

Tanpa sokongan serta bantuan dari anda semua, kertas kerja laporan akhir latihan industri ini tidak mungkin terhasil seperti mana yang ada sekarang.

Terima Kasih Semua.

KANDUNGAN

Tajuk	Mukasurat
Prakata	i
Penghargaan	ii-iii
Kandungan	iv
Senarai Gambarajah	vi
Senarai Lampiran	vii
Ringkasan Eksekutif	ix
Bab 1: Latarbelakang Organisasi/Syarikat	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Maklumat Organisasi	6
1.3 Carta Organisasi	15
1.4 Aktiviti Organisasi	17
1.4.1 Aktiviti Pentadbiran	18
1.4.2 Aktiviti Pemasaran	22
1.4.3 Aktiviti Operasi	31
1.5 Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	41
Bab 2: Pengenalan Masalah dan Cadangan Penyelesaian	43
2.1 Penemuan di Bahagian Pemasaran, Pentadbiran, Kewangan dan Operasi.	43
2.1.1 Bahagian Pemasaran	44
2.1.1.1 Mengenal Sistem Sedia Ada	43-44
2.1.1.2 Borang Semakan Stok	46
2.1.1.3 Mengenalpasti Masalah	47
2.1.2 Bahagian Pentadbiran	49
2.1.2.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	48-49
2.1.2.2 Mengenalpasti Masalah	51
2.1.3 Bahagian Operasi	52
2.1.3.1 Mengenal Sistem Sedia Ada	51-52
2.1.3.2 Mengenalpasti Masalah	53
2.2 Analisis Masalah dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan	54
2.2.1 Rumusan analisis dan perbincangan	54
2.2.2 Cadangan penyelesaian, pelaksanaan cadangan dan implikasi	55
2.2.2.1 Bahagian Pemasaran	55
2.2.2.2 Bahagian Pentadbiran	58

2.2.2.2.1 Cadangan Penyelesaian	58
2.2.2.2 Pelaksanaan Cadangan	59
2.2.2.3 Implikasi	60
2.2.2.3 Bahagian Operasi	61
2.2.2.3.1 Cadangan Penyelesaian	61
2.2.2.3.2 Pelaksanaan Cadangan	62
2.2.2.3.3 Implikasi	63
Penutup	64
Rujukan & Bibliografi	66
Lampiran	67

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

SENARAI GAMBARAJAH

Tajuk	Mukasurat
Rajah 1.1 Menunjukkan carta organisasi Syarikat Noor Arfa Batek Sdn. Bhd.	14
Rajah 1.2 Menunjukkan carta organisasi dan pemangku jawatan dalam organisasi.	15
Rajah 1.3 Menunjukkan Jawatankuasa TQM Noor Arfa Batek.	39
Rajah 1.4 Menunjukkan punca-punca masalah yang sering timbul dalam Jabatan pemasaran dan operasi.	47

SENARAI JADUAL

Tajuk	Mukasurat
Jadual 1.1 Panduan tempahan.	25
Jadual 1.2 Menunjukkan rancangan pemasaran Syarikat Noor Arfa Batek.	30
Jadual 1.3 Menerangkan jenis dan maklumat terperinci mengenai kain yang digunakan untuk membuat batik.	35
Jadual 1.4 Menunjukkan nama kumpulan Sistem 5S & QCC Noor Arfa Batek.	38
Jadual 1.5 Menunjukkan rangka latihan Industri Syarikat.	42
Jadual 1.6 Contoh borang semakan stok.	46
Jadual 1.7 Menerangkan punca masalah, cadangan penyelesaian dan implikasi daripada tindakan yang diambil.	55

SENARAI LAMPIRAN

. 1) Lampiran A

Carta kumpulan 5S Noor Arfa Batek Sdn.Bhd.

2) Lampiran B

Senarai jenis kain, ukuran dan ciri-ciri yang terdapat pada kain yang kebiasaannya ditempah oleh pihak syarikat untuk membuat batik.

3) Lampiran C

Contoh borang soal selidik yang disediakan oleh pihak syarikat kepada para pelanggan bagi mengesan tindakbalas positif dan negative terhadap barang keluaran syarikat dikalangan pelanggan.

4) Lampiran D

Risalah perniagaan yang mengandungi profail syarikat dan kegiatan utama operasi syarikat.

5) Lampiran E

Risalah yang mengandungi maklumat barang yang dikeluarkan oleh pihak syarikat.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kertas laporan akhir latihan industri ini bertujuan untuk mengkaji dan menilai, sejauh mana keberkesanan sistem-sistem yang sedia ada disamping memberi saranan kepada cadangan penyelesaian bagi mengatasi kelemahan tersebut pada Syarikat Noor Arfa Batek Sdn.Bhd.

Sepanjang Latihan Industri di Syarikat Noor Arfa Batek Sdn. Bhd, kajian telah dibuat sekitar organisasi yang melibatkan Jabatan Pentadbiran, Jabatan Pemasaran dan Jabatan Operasi.

Antara fokus kajian ialah mengenalpasti sistem-sistem yang digunakan oleh ketiga-tiga jabatan penting ini termasuklah Sistem Penyemakan Stok Jualan, Sistem Pusing Ganti Pekerja dan Sistem Pengoperasian dalam hal merekacipta corak batik. Disamping itu, kajian telah menemui beberapa bentuk masalah yang sering dihadapi oleh sistem-sistem ini diantaranya ialah masalah dalam Sistem Pusing Ganti dalam Jabatan Pentadbiran. Masalah ini timbul adalah disebabkan alasan-alasan yang sering diberi oleh pekerja-pekerja ini yang dianggap remeh oleh pihak organisasi. Misalnya pekerja yang biasanya memohon berhenti kerja menjadikan alasan ingin mencari atau telah memperolehi pekerjaan yang menjanjikan gaji yang lumayan. Atas faktor ini, ianya menjadi daya penarik kepada pekerja untuk berhenti bekerja dalam organisasi.

Di bab kedua, kita akan melihat jenis-jenis masalah yang timbul dalam sistem-sistem ini, di samping itu, diselitkan juga langkah-langkah cadangan penyelesaian dan kaedah pelaksanaan cadangan penyelesaian tersebut.

Selain itu, pengetahuan juga boleh diperolehi berkaitan dengan kepentingan setiap jenis cadangan tersebut. Diharapkan kepentingan dalam menangani permasalahan terhadap sistem-sistem ini, memberi gambaran yang jelas bahawa pihak syarikat masih perlu untuk memperbaiki serta memperkemaskinikan sistem-sistem sedia ada, bagi kepentingan bersama.